

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Sebahagian mangsa banjir dari Pusat Pemindahan Sementara Kampung Selagon, dihantar pulang ke kampung masing-masing selepas banjir. (Foto Ihsan APM)

Banjir di tiga negeri kian pulih

Kuala Lumpur: Banjir di Johor, Kelantan dan Sabah semakin pulih dengan bilangan mangsa yang masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) berkurangan.

Di Johor, BERNAMA melaporkan hanya daerah Segamat masih terjejas banjir dengan seramai 436 orang daripada 101 keluarga masih berada di sembilan PPS setakat tengah hari semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri Tan Chen Choon menerusi kenyataan berkata, semua mangsa di Segamat itu memabihkan pendudukan di Jalan Kollam Air, Kampung Batu Badak, Pogoh, Kampung Spang Loi, Kampung Tandong, Kuala Paya, Kampung Sanglang, Kampung Kuing Patoh serta Kampung Bukit Tungal.

Beliau berkata, pagi semalam seramai 37 orang daripada tujuh keluarga di Parit Sulong dan Kampung Peserai Lama, Semerah ber-

ada di dua PPS di Sekolah Agama Seri Chomel dan balai raya Kampung Peserai Lama.

Di Kota Bharu, banjir di Kelantan hampir pulih dengan hanya 187 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) setakat jam 8 malam tadi.

Semua mangsa memabihkan 72 keluarga ditempatkan di tiga PPS di Pasir Mas.

Berdasarkan aplikasi info bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mendapati PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Bakong memuatkan 93 mangsa daripada 44 keluarga.

SK Kedai Tanjong pula mencatatkan 73 mangsa daripada 21 keluarga dan SK Tok Deh mencatatkan 21 mangsa daripada tujuh keluarga.

Onaca di Kelantan kembali pulih sejak kelmarin dan semua PPS dijangka ditutup sepenuhnya esok.

Di Sabah, hanya 141 mangsa

dari Beaufort dan Membakut masih berada di PSS Kampung Selagon, sehingga petang semalam, berbanding 450 mangsa pagi semalam.

Daripada jumlah itu, jurucakap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), berkata mangsa paling ramai yang masih tinggal ialah dari Kampung Sasa iaitu seramai 133 mangsa, diikuti Kampung Lago dengan enam mangsa, manakala dua mangsa dari Kampung Dungau, Membakut.

Mangsa dari ketiga-tiga kampung terlibat belum dibenarkan pulang berkaitan keadaan banjir yang belum pulih sepenuhnya, manakala mangsa dari kampung lain di sekitar daerah ini dihantar pulang secara berperingkat petang semalam.

Di Membakut, hanya Kampung Dungau dilaporkan belum pulih daripada banjir, manakala 18 kampung lain sudah pulih sepenuhnya.